

Berapa lama saya mesti membayar untuk polisi insurans hayat saya?

Ini bergantung pada jenis polisi yang anda beli. Biasanya, anda dikehendaki membayar premium selagi polisi itu berlanjutan. Misalnya, jika anda membeli Insurans Hayat bertempoh 20 tahun, anda perlu membayar selama 20 tahun.

Jika anda memutuskan untuk membeli pelan Insurans Hayat Seumur Hidup, anda hendaklah bersedia untuk membayar premium sepanjang hayat anda melainkan pelan itu adalah pelan Seumur Hidup Bayaran Terhad, di mana anda hanya membayar sehingga tempoh bayaran yang dinyatakan sahaja.

Walau bagaimanapun, sesetengah pelan (biasanya pelan sertaan) menawarkan pilihan untuk menggunakan nilai tunai anda untuk membayar pelan itu sendiri selepas bilangan tahun tertentu. Oleh itu, seelok-eloknya rancang bajet anda sebelum membeli salah satu pelan ini.

Adakah cajnya berbeza untuk kekerapan bayaran yang berbeza?

Biasanya, lebih mahal jika anda membayar premium anda dengan kekerapan yang lain daripada bayaran tahunan, kecuali pelan Berkaitan Pelaburan. Ini kerana bayaran penuh premium sepatutnya dibuat dahulu setiap tahun.

Artikel ini disumbangkan oleh Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM). Untuk keterangan lanjut, sila layari laman web: www.liam.org.my atau e-mel ke liaminfo@liam.org.my.



Persatuan Insurans Hayat Malaysia
Life Insurance Association of Malaysia

Namun begitu, demi meringankan beban membayar premium setahun itu terlebih dahulu, syarikat insurans memberikan pilihan untuk pemegang polisinya membayar dalam selang waktu yang berbeza – bulanan, suku tahunan, setengah tahunan dan tahunan, dengan bayaran secara bulanan adalah yang paling mahal, diikuti dengan suku tahunan dan setengah tahunan.

Tiada caj tambahan jika anda membayar secara tahunan. Jadi, lebih baik anda membayar premium secara tahunan jika kedudukan kewangan anda mengizinkan.

Adakah saya masih perlu membeli insurans hayat sedangkan saya sudah pun mempunyai perlindungan insurans daripada majikan saya?

Banyak majikan menawarkan insurans hayat kumpulan kepada pekerja mereka. Namun begitu, perlindungan ini biasanya tidak memadai untuk memenuhi keperluan insurans hayat anda.

Lebih penting lagi, polisi insurans hayat kumpulan daripada majikan anda tidak boleh dibawa bersama anda, maknanya jika anda berhenti kerja atau apabila anda bersara, anda kehilangan perlindungan insurans hayat anda.

Justeru itu, seelok-eloknya anda tidak bergantung semata-mata pada pelan yang ditaja oleh majikan anda tetapi anggaplah ia sebagai tambahan kepada perlindungan keseluruhan anda.

Di atas adalah antara soalan - soalan paling penting yang anda mungkin mahu tanya dan semoga penerangan di atas memberikan anda pemahaman yang lebih jelas tentang bagaimana Insurans Hayat berfungsi. Kami berharap dengan penjelasan ini, anda akan dapat membuat keputusan yang bermaklumat apabila membeli polisi Insurans Hayat yang akan datang.

Tempoh Membayar Insurans

PADA isu lalu, kita membincangkan mengenai panduan membeli insurans hayat termasuklah masa terbaik memiliki insurans hayat, persoalan mengenai tahap kesihatan, cara mengisi borang dan perlindungan yang diberikan. Kali ini, persoalan yang diketengahkan ialah tempoh membayar insurans hayat.

